

537:

MAHATHIR - SEMANGAT

1975

KUALA TRENGGANU, 10 MEI (BERNAMA) -- SEMANGAT 1946 YANG MENYATUPADUKAN ORANG-ORANG MELAYU DALAM UMNO DAN YANG MEMPUNYAI KESAN BERSEJARAH DALAM USAHA MENUNTUT KEMERDEKAAN HENDAKLAH DIHIDUPKAN SEMULA.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED YANG JUGA AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO BERKATA, JIKA SEMANGAT ITU DIBIARKAN MEROSOT, KEKUATAN UMNO AKAN TERJEJAS.

KATANYA, UMNO IALAH SEBUAH PARTI YANG BERJUANG UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA PARA PEMIMPINNYA TIDAK TERLIBAT DALAM RASUAH.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUALA NERUS DI SEKOLAH UGAMA TOK JERING DI SINI HARI INI. -- BERSAMBUNG 1418/AI

538:

MAHATHIR - SEMANGAT 2 KUALA TRENGGANU

MENGENAI PERGOLAKAN DI VIETNAM SELATAN, BELIAU BERKATA, APA YANG BERLAKU MERUPAKAN SATU CONTOH BAIK KEPADA PARA PEMIMPIN DI RANTAU INI TERMASUK MALAYSIA.

KATANYA, KEJATUHAN NEGARA ITU ANTARA LAINNYA DISEBABKAN OLEH RASUAH, KETIDAKJUJURAN, KEPENTINGAN DIRI SENDIRI, KETJADAAN RANCANGAN PEMBANGUNAN YANG POSITIF DAN REBUTAN KUASA ANTARA PARA PEMIMPIN.

JIKA AMALAN SERUPA ITU DIAMALKAN OLEH NEGARA-NEGARA LAIN DI RANTAU INI TERMASUK MALAYSIA, LAMBAT LAUN NEGARA TERSEBUT AKAN MENGALAMI NASIB YANG SAMA.

SEBELUM ITU, TIMBALAN MENTERI PERHUBUNGAN, DATUK WAN KADIR ISMAIL SELAKU KETUA BAHAGIAN ITU BERKATA, AHLI-AHLI UMNO HENDAKLAH SENTIASA MEMPERKEMAS SERTA MELICINKAN JENTERA PARTI. -- BERSAMBUNG 1421/AI

541:

MAHATHIR - SEMANGAT 3 KUALA TRENGGANU

KATANYA, RAKYAT HENDAKLAH MEMBERI KERJASAMA ERAT KEPADA KERAJAAN DALAM USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA.

TRENGGANU, TAMBAHNYA, SEKARANG BERADA DI AMBANG ZAMAN BARU DARI SEGI PEMBANGUNAN. KERAJAAN BERCADANG MEMBUKA KAMPUS ITM DI SEBUAH KAWASAN SELUAS 200 EKAR SERTA MENGADAKAN FAKULTI KAJIAN LAUT, CAWANGAN UNIVERSITI PERTANIAN DI TRENGGANU. -- BERNAMA 1430/AI